

## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: BERITA HARIAN		
TARIKH	: 15/10/2019	MUKA SURAT	: 47
JABATAN	: UMUM		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Taman Negara Tanjung Piai

# Lokasi gah kurang publisiti

Tidak ramai pengunjung walaupun lengkap pelbagai kemudahan

Oleh Ifwan Tun Tuah  
ifwan@bh.com.my

**Pontian:** Walaupun gelarannya gah sebagai kawasan daratan paling selatan di Benua Asia, Taman Negara Tanjung Piai di sini, dikatakan masih kurang dikenali berikutan tidak menerima publisiti besar-besaran di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Tinjauan *BH* di kawasan berkenaan mendapati kawasan taman negara yang dilengkapi pelbagai kemudahan untuk kesejahteraan orang ramai dipenuhi pengunjung pada hujung minggu serta musim cuti sekolah, namun sepi pada hari biasa.

Seorang pengunjung, Abdul Rashid Ismail, 73, yang juga veteran Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) berasal dari Pulau Pinang, berkata beliau yang kali pertama datang ke taman negara itu, baru-baru ini, kagum dengan keistimewaaninya.

“Tempat ini adalah daratan

paling hujung di Benua Asia dan kawasan sekitarnya diban- gunkan sebagai produk pelan- congan yang menarik, malah pegawai yang bertugas sentiasa bersedia memberi penerangan mengenai kawasan ini.

“Dengan statusnya sebagai penghujung Benua Asia, sebe- narnya taman negara ini mem- punyai potensi untuk menarik minat ramai rakyat Malaysia dan pelancong luar negara. un- tuk menjelakkan kaki ke sini.

“Bagaimanapun, saya rasa tidak banyak publisiti menge- nai tempat ini diberikan, malah saya pun hanya tahu mengenai- nya apabila diberitahu oleh pe- kerja hotel di bandar Pontian ke- laka singgah untuk menghadiri majlis di situ,” katanya.

Taman Negara Tanjung Piai adalah daratan paling selatan di Benua Asia dan tersenarai sebagai tapak Tanah Lembap Berkepentingan Antarabangsa (Ramsar), menyimpan pelbagai khazanah berharga alam semula jadi yang kaya dengan hutan tro- pika, hidupan paya bakau serta flora dan fauna.

Sementara itu, Malik Ehsan, 52, yang berasal dari Batu Pahat, turut mengakui kurang menyedari kewujudan kawasan berkenaan, malah datang ke situ selepas diajak oleh anaknya bongsunya yang pernah ke situ beberapa tahun lalu.

“Kewujudan tempat ini perlu dihebahkan kepada orang ramai kerana ia sebuah tapak yang penting kepada negara. Malah di sini, pengunjung dapat melihat daratan tiga negara termasuk Singapura dan Indonesia, yang tidak dapat dilihat di tempat lain.

“Jika banyak publisiti diberi-

kan, tidak mustahil taman ne- ga ini menjadi tumpuan ramai pelancong luar negara, malah menjadi lokasi wajib dilawati jika mereka datang ke Malaysia atau Johor,” katanya.

Anaknya, Nurshahirah Elya- na, 13, berkata murid boleh diba- wa melawat ke kawasan itu yang

mempunyai kaitan dengan mata pelajaran Geografi yang dipela- jari di sekolah.

“Antara yang dipelajari da- lam mata pelajaran itu adalah mengenai benua dan pelajar pas- ti teruja jika dapat menjelakkan kaki di penghujung Benua Asia,” katanya.



**Abdul Rashid** dan keluarga melawat Taman Negara Tanjung Piai. (Foto Mohd Azren Jamaluddin/BH)